



GAGASAN OKU MUQARROBUN

Gagasan ini dirangka sebagai menyatakan komitmen pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha membangunkan orang kurang upaya berdasarkan potensi dan keupayaan diri individu-individu orang kurang upaya.

Dalam menjayakan gagasan ini, adalah diiktiraf:

- 1. Memperakui bahawa Allah S.W.T menciptakan orang kurang upaya sebagai tanda kekuasaan yang maha Esa sebagai ujian dan anugerah kepada insan seluruhnya.**
- 2. Menerima pakai takrifan orang kurang upaya yang sedang berkuatkuasa menurut undang-undang sedia ada.**
- 3. Memperakui komitmen-komitmen masyarakat antarabangsa dan serantau dalam hal-ehwal orang kurang upaya selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang negara yang berkuatkuasa.**

Berasaskan penegasan dan perakuan yang dinyatakan di atas, gagasan ini menetapkan:

- 1. Pembangunan orang kurang upaya haruslah mengambil kira kepelbagaiannya ketidakupayaan yang ada.**
- 2. Ia haruslah menjadikan perlaksanaan pembangunan orang kurang upaya itu menjurus kepada keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.**
- 3. Pembangunan orang kurang upaya hendaklah menjadi tanggungjawab semua pihak dan seluruh segmen masyarakat.**

Dua teras kepada perlaksanaan pembangunan orang kurang upaya adalah:-

- 1. Mengenengahkan orang kurang upaya kepada masyarakat dengan dicukupkan sistem sokongan yang semampu dan sewajarnya.**
- 2. Mendorong dan mendidik masyarakat umum untuk menerima keberadaan orang kurang upaya tanpa sebarang halangan dengan penyertaan yang sepenuhnya.**

Bagi menjayakan gagasan ini, haruslah pelan dan tindakan susulan dirangka sesuai dengan ketetapan dan teras yang dinyatakan.